



TRANSFORMASI INTEGRITI  
MEMACU NEGARA

m/s **2**

STATISTIK AKTIVITI FUNGSI  
TERAS UNIT INTEGRITI

m/s **3**

SINERGI INTEGRITI : INISIATIF  
DAN PENCAPAIAN UNIT INTEGRITI

m/s **5**

TERKINI : GERAKAN REVOLUSI ANTI-  
RASUAH (GERAH)

m/s **7**

BINGKISAN INTEGRITI: AMANAH  
DAN INTEGRITI ASAS PENCEGAHAN

m/s **9**

## PRAKATA



### **SIDANG REDAKSI BULETIN BPIA**

#### **PENAUNG**

KPj Tan Sri Dzulkifli Bin Ahmad

#### **PENASIHAT**

TKPj Dato' Shamshun Baharin Bin Mohd Jamil

#### **KETUA SIDANG PENGARANG**

P/TPj Dato' Junipah Binti Wandu

#### **PENYELARAS**

P/KPKPj Rasidah Binti Abdul Karim

#### **PENGARANG DAN PRODUKSI**

P/PPj RMalarvili a/p Ramachandran

Puan Nur Baiti Binti Mohd Othman

Puan Mazlina Binti Mohamad

P/Ps Siti Ashura Binti Mat Hanapiah

P/Ps Abdul Amidin Bin Abdullah

KPKPs Sharifah Aidah Binti Haji Wan Hadion

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**

**Salam Sejahtera**

**Salam 1 Malaysia**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat-Nya di atas penerbitan Buletin BPIA Edisi kali kedua pada tahun 2017 yang dipadatkan dengan informasi yang bermanfaat.

Sedar tidak sedar kita sudah hampir menjengah ke penghujung tahun 2017, suka duka dilalui bersama dalam memerangi gejala rasuah dan pelanggaran integriti. Pelbagai program telah dirangka sepanjang tahun 2017 bertujuan untuk memantapkan lagi peranan Unit Integriti dalam membendung pelakuan rasuah, pelanggaran integriti dan tatakelakuan penjawat awam khususnya.

Menjelang tahun 2018 yang akan datang, SPRM akan memberi tumpuan kepada penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), negeri dan entiti perniagaan milik Kementerian selari dengan pengumuman YAB Datuk Seri Najib Razak pada Julai yang lalu. Justeru, BPIA dan seluruh warganya harus terus memperkasakan fungsi bahagian ini dengan menyampaikan idea baru yang lebih mampan bagi memangkin pelan aspirasi tersebut.

Akhir kata, semoga komitmen, kecekalan dan usaha tanpa henti yang telah ditunjukkan oleh Pegawai-pegawai Integriti dan warga BPIA secara umumnya dapat dikekalkan momentumnya dan semoga ganjaran berfaedah dijanjikan di akhirnya, InsyaAllah.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Junipah Binti Wandu**

Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## EVOLUSI INTEGRITI


### TRANSFORMASI NASIONAL (TN50)

#### “TRANSFORMASI INTEGRITI MEMACU NEGARA”

Transformasi Nasional (TN50), mengaspirasikan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang dihormati dan rakyatnya berminda *par excellence*<sup>1</sup>. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, negara memerlukan sebuah perkhidmatan awam yang tangkas, efisien dan berwibawa. Penyampaian perkhidmatan awam yang berintegriti adalah perlu bagi memangkin era digitalisasi dan teknologi disruptif yang begitu hebat membentuk lanskap baru perkhidmatan awam kini.

Kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap penyampaian kerajaan adalah satu kriteria penentu kepada kemampuan kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik. Integriti adalah merupakan satu teras di dalam tadbir urus yang baik yang ditunjangi ketelusan dan akauntabiliti dan bagi meraih kepercayaan ini, penjawat awam perlu mempunyai integriti yang tinggi dengan bersikap profesional, berperibadi luhur, mempunyai ketelusan, responsif dan musyawarah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pemegang amanah rakyat.

Transformasi Integriti ternyata merupakan teras strategik penting bagi memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi, berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi yang terangkum dan lestari seperti yang disasarkan melalui Transformasi Nasional (TN50) cetusan ilham YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak.



Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA)

<sup>1</sup>Meriam-Webster Dictionary mendefinisikan *par-excellence* sebagai *being the best of the kind*




## STATISTIK

### AKTIVITI FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI

#### 1 PENGURUSAN ADUAN

**24,023**

**MAKLUMAT DITERIMA  
UNIT INTEGRITI  
AGENSI AWAM & GLC  
TAHUN 2017**




Peningkatan penerimaan aduan yang ketara oleh Unit Integriti Agensi Awam dan GLC pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya hasil daripada kesedaran orang awam akan kewujudan dan keupayaan Unit Integriti untuk mengambil tindakan ke atas aduan berkaitan perlakuan rasuah dan pelanggaran integriti

#### PENGESANAN & PENGESAHAN

2

Aktiviti Pengesanan & Pengesahan (P&P) adalah berkadar langsung dengan kenaikan bilangan aduan yang diterima oleh Unit Integriti Awam dan GLC. Sejumlah 4300 tindakan P&P telah diambil dan mencatatkan kenaikan sebanyak 360% daripada jumlah tindakan yang diambil pada tahun 2016.



**4,300**


**MAKLUMAT TELAH  
DIJALANKAN  
TINDAKAN  
PENGESANAN  
& PENGESAHAN**

#### URUS SETIA TATATERTIB

3

**2,610**

**PENYELESAIAN  
KES  
TATATERTIB**



Terdapat peningkatan sebanyak 80% terhadap penyelesaian ke atas kes tata tertib dari tahun 2016. 1902 kes adalah daripada agensi berisiko tinggi, 310 kes dari agensi berisiko sederhana dan 395 kes daripada agensi berisiko rendah.


## STATISTIK

### AKTIVITI FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI

#### 4 PENGUKUHAN INTEGRITI

**1,596**

**PROGRAM  
PENGUKUHAN  
INTEGRITI  
DIJALANKAN**




Program-program Pengukuhan Integriti giat dirancang dan dibangunkan oleh Unit Integriti bagi menginstitusikan integriti di kalangan penjawat awam, kakitangan dan orang awam. Terdapat peningkatan sebanyak 100% program-program yang dijalankan pada 2017 berbanding tahun sebelumnya.

#### 5 PEMATUHAN

**5**

Aktiviti-aktiviti pematuhan juga menunjukkan peningkatan ketara daripada tahun 2016. Aktiviti-aktiviti pematuhan ini dijalankan oleh Unit Integriti bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang, polisi, peraturan dan lain-lain aktiviti.




**1,125**  
**AKTIVITI  
PEMATUHAN  
DIJALANKAN**

#### 6 TADBIR URUS

**669**

**INISIATIF  
PENAMBAHBAIKAN  
TADBIR URUS  
AGENSI**



Unit Integriti juga giat menambahbaik pengurusan tadbir urus organisasi agar isu-isu berkaitan integriti dan pelakuan rasuah dapat ditangani dari akar umbi. Peningkatan ketara bilangan inisiatif yang dijalankan dapat dilihat pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya.

## SINERGI INTEGRITI



### ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS)

#### Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mengorak langkah sebagai agensi Kerajaan dan agensi penguatkuasa undang-undang pertama di Malaysia yang diiktiraf dan memperoleh pensijilan sistem piawaian dikenali ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS) pada November 2017 yang lalu. Pensijilan pertama kali bagi agensi penguatkuasa kerajaan di Malaysia, menyediakan jaminan kepada masyarakat bahawa JIM mempunyai prosedur dan perlindungan yang mencukupi daripada rasuah. Hasil inisiatif Jabatan bersama-sama Unit Integriti ini dilihat akan mempertingkatkan reputasi JIM sebagai sebuah Jabatan yang memiliki integriti yang tinggi dan pendirian tanpa kompromi dan toleransi sifar terhadap rasuah.



Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, YBhg. Dato' Seri Hj. Mustafar Bin Ali menerima penganugerahan Sijil ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS) yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah



## SINERGI INTEGRITI



### Kempen 3J Melalui Mesin ATM

#### Bank Rakyat

Sejak Ikrar Bebas Rasuah (IBR) diperkenalkan, Kementerian, Agensi awam, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) mahupun syarikat-syarikat swasta telah sama-sama menyahut seruan dan memberikan komitmen dalam usaha SPRM memerangi jenayah rasuah dan salah guna kuasa. Bank Rakyat tidak terkecuali untuk sama-sama turut serta di dalam rangkaian kerjasama dengan SPRM untuk memerangi jenayah rasuah dan meningkatkan integriti dalam kalangan warga kerja Bank Rakyat. Unit Integriti Bank Rakyat melalui IBR telah melaksanakan Kempen 3J (Jangan hulu, Jangan Kawtim dan Jangan Settle) di uar-uarakan melalui *Automated Teller Machine* (ATM) nya di setiap mesin di cawangan-cawangan Bank Rakyat. Ini bertujuan agar mesej terus dapat disampaikan kepada setiap pelanggan dan pengguna mesin tersebut.



### Pertandingan Debat Piala KSU KPKT 2017

#### KPKT



Unit Integriti KPKT telah mengadakan Pertandingan Debat Piala Ketua Setiausaha bersempena Bulan Integriti pada November 2017 yang lalu. Pertandingan debat yang julung kali diadakan ini melihatkan penglibatan bersama Kementerian bersama Unit dan Agensi KPKT. Pertandingan akhir di antara SWCorp dan Pejabat KSU KPKT dengan tajuk **“Dewan ini Percaya Undang-undang Tegas Menjamin Integriti Penjawat Awam”** telah menobatkan SWCorp sebagai johan pertandingan. Juri jemputan untuk mengadili pertandingan adalah daripada Universiti Putra Malaysia (Ketua Juri), Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Institut Integriti Malaysia. Pertandingan debat yang melibatkan agensi-agensi luar ini dilihat dapat mencetuskan kolaborasi dinamik dalam usaha kesedaran dan pengukuhan integriti organisasi.

## TERKINI

### GERAKAN REVOLUSI ANTI RASUAH (GERAH)

Gerakan Revolusi Anti Rasuah atau GERAH merupakan gerakan yang dipelopori Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad yang telah dilancarkan pada 8 Mei 2017. GERAH telah menjadi pemangkin gelombang perubahan kepada masyarakat untuk membenci dan memandang jijik terhadap rasuah dan salah guna kuasa dan ianya menjadi tunjang dalam semua aktiviti SPRM, sama ada operasi, pencegahan atau pendidikan. Harapan SPRM, dalam tempoh tiga tahun, gerakan ini berupaya mewujudkan masyarakat menjadi lebih berani, benci kepada rasuah dan salah guna kuasa serta bangun menentang rasuah bersama SPRM. Bagi memberi peluang kepada masyarakat untuk sama-sama terlibat dengan SPRM dalam usaha pencegahan rasuah, Sahabat GERAH telah dilancarkan pada 1 Ogos 2017 oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad. Melalui inisiatif ini, semua lapisan masyarakat dijemput menjadi ahli Sahabat GERAH agar dapat menyumbang tenaga dan buah fikiran bagi memastikan rasuah diperangi habis-habisan. Antara lain peranan Ahli GERAH adalah untuk:

Menjadi mata dan telinga kepada SPRM

Menyumbang tenaga, masa dan idea dalam usaha pencegahan rasuah

Melaporkan sebarang pelakuan rasuah dan salah guna kuasa kepada SPRM

Menjadi agen SPRM untuk menyebarkan mesej anti rasuah kepada masyarakat

Menjadi 'role model' individu berintegriti kepada masyarakat



Melalui GERAH, Kempen 3J yang merujuk kepada 'Jangan Hulur, Jangan Kawtim dan Jangan *Settle*' antara pemberi dan penerima rasuah turut dilancarkan. Kempen ini bertujuan menyampaikan mesej yang kuat kepada masyarakat untuk membanteras rasuah secara bersama melalui penggunaan perkataan yang mudah supaya pesanan yang hendak disampaikan lebih mudah difahami oleh masyarakat. Bilangan pendaftaran Sahabat GERAH secara keseluruhan telah mencecah 139,868 permohonan dan di peringkat BPIA, sehingga 20 Disember 2017, seramai 30406 ahli telah memohon untuk mendaftar sebagai Sahabat GERAH.



## TERKINI

### GERAKAN REVOLUSI ANTI RASUAH (GERAH)



Perasmian Sahabat GERAH oleh Tan Sri Ketua Pesuruhjaya dan Pendaftaran di Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan dan GLC

## BINGKISAN INTEGRITI

### AMANAH DAN INTEGRITI ASAS PENCEGAHAN

Amanah dan integriti juga adalah cerminan keperibadian yang mulia dan terpuji. Justeru, Islam menuntut kita bersifat amanah yang mana akan membawa kepada integriti. Islam telah mengajar kita perihal akhlak yang baik dan murni di mana Allah SWT mengutuskan Rasulullah SAW kepada kita untuk mengajar dan memberi pertunjuk mengenai akhlak yang mulia dan terpuji. Dalam satu hadis Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak." (Riwayat Bukhari). Namun mengapa kita sebagai umat Islam tidak mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Mengapa acap kali berlakunya masalah pecah amanah mahu pun rasuah ia berkaitan dengan masyarakat Islam kita.

Amanah dan integriti merupakan perkataan yang saling berkaitan antara satu sama lain. Seandainya amanah dan integriti hilang, pasti lenyap kepercayaan orang lain. Dengan adanya sifat amanah, maka datanglah integriti selepasnya. Pemimpin yang tiada sifat amanah, maka tiadalah integriti pada dirinya. Justeru bolehlah disimpulkan secara dasarnya bahawa amanah adalah sifat dan integriti adalah nilai yang terhasil daripadanya seperti tindakbalas 'cause' dan 'effect'. Penghayatan nilai-nilai integriti ini akan membawa kepada pembentukan keperibadian yang unggul. Ia juga adalah sejajar dengan tuntutan agama Islam yang mengajar umatnya supaya menghayati keperibadian akhlak yang mulia sebagaimana diperintahkan dalam Islam dan baginda Rasulullah SAW. Pemimpin mungkin ditakuti kerana kuasanya, akan tetapi pemimpin akan lebih dihormati kerana integritinya.

#### Amanah Daripada Segi Bahasa dan Istilah

Secara umumnya, perkataan 'amanah' mempunyai kaitan dengan bahasa Arab 'aman' yang membawa maksud keamanan atau kesejahteraan. Secara

khususnya, dalam kamus Dewan Edisi Keempat, amanah atau amanat diertikan sebagai sesuatu yang dipercayakan kepada seseorang seperti barangan atau sesuatu yang dipercayakan untuk disimpan. Maksud kedua ialah kepercayaan yang diletakkan kepada seseorang yang juga boleh diertikan keamanan dan ketenteraman. Pengarang kitab Tafsir al-Maraghiy menjelaskan bahawa amanah adalah sesuatu yang harus dipelihara dan dijaga agar sampai kepada yang berhak memilikinya. Manakala, Syeikh Muhammad Abduh menafsirkan amanah sebagai menyampaikan hak kepada pemiliknya, tidak mengambil sesuatu yang melebihi haknya tanpa mengurangi hak orang lain. Orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya pasti dapat merasakan ketiga-tiga makna ini dalam diri mereka. Apatah lagi perkataan 'mukmin' itu juga mempunyai kaitan dengannya dan berasal daripada derivasi kata yang sama. Sebaliknya, antonim bagi perkataan amanah ialah khianat, yang memberikan indikasi bahawa golongan mukmin adalah musuh kepada sifat khianat. Dalam hadis daripada Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya: "Tidak sempurna Iman orang yang tidak amanah". (Riwayat Imam Ahmad).

#### Integriti Daripada Segi Bahasa dan Istilah

Perkataan integriti berasal daripada perkataan latin iaitu integritas yang berasal dari perkataan *intact* dan *whole*. Integriti membawa dua maksud iaitu kejujuran dan keadaan sempurna, keutuhan dan ketelusan. Manakala, maksud integriti mengikut Kamus Dewan, Edisi Keempat ialah kejujuran, mencemarkan nama baik dan jabatan yang juga bermaksud keadaan sempurna dan utuh. Kesimpulannya integriti merujuk kepada sifat-sifat positif seperti jujur, benar, amanah dan bertanggungjawab.



## BINGKISAN INTEGRITI

### AMANAH DAN INTEGRITI ASAS PENCEGAHAN

Dari segi istilah, integriti ialah nilai pegangan, maruah, etika baik dalam melaksanakan sesuatu yang sah dan benar. Ia juga berkait rapat dengan kejujuran, kebolehpercayaan, keadilan, kawalan diri, nilai moral positif, kekuatan akidah dan spiritual. Justeru, perkataan integriti di ini dapatlah ditafsirkan sebagai kepercayaan. Dalam Islam juga, amanah dan integriti juga dikaitkan dengan kepercayaan kepada Hari Akhirat dan Pembalasan yang akan menghisab segala perbuatan manusia sama ada baik ataupun buruk. Kedua-dua nilai ini bukan setakat dipaparkan indeks integritinya di dunia, tetapi akan turut dipaparkan di Padang Mahsyar kelak. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Pada hari itu kalian akan dihadapkan (kepada Rabb kalian), tiada sesuatu pun dari keadaan kalian yang tersembunyi (bagi ALLAH)." (Surah Al-Haqqah: 18).

#### Rasuah dan Salah Guna Kuasa Pada Masa Kini

Dalam realiti masakini, satu persatu kemelut yang berlaku seperti pecah amanah, salah urus tadbir, salah guna kuasa, kebocoran soalan peperiksaan, tidak patuh Standard Operasi Prosedur (SOP), mencuri tulang, berkerja sambil lewa dan seumpamanya adalah contoh-contoh realiti tanpa integriti. Punca kepada semua ini sudah pastilah disebabkan tiada sifat amanah ketika melaksanakan tugas. Maka untuk memastikan gejala-gejala di atas diatasi dan dikurangkan dengan berkesan, langkah-langkah awal penerapan nilai amanah bermula daripada individu yang perlu dipupuk sejak kecil. Sifat amanah dan nilai integriti adalah antara nilai-nilai universal sejagat merentas lautan dan benua, etnik dan bangsa. Islam mendidik umatnya supaya menyerap sifat amanah dan nilai integriti dalam kehidupan secara total.

Justeru, setiap ibadah khusus yang difardhukan mendidik kita dengan kedua-dua sifat dan nilai ini seperti menunaikan solat pada waktunya, mengeluarkan

zakat apabila cukup haul dan nisabnya, menjaga hubungan persaudaraan sesama Muslim berasaskan konsep '*mutual respect*', dan sebagainya. Manakala dalam konteks masyarakat dan negara pula, kita perlu melaksanakan semua tanggungjawab dengan penuh sifat amanah, sama ada sebagai pemerintah mahupun rakyat, majikan atau pekerja, guru atau pelajar, tua atau yang muda, yang kaya-raya ataupun yang kurang berada. Kedua-dua sifat dan nilai ini perlu dididik dan diterapkan sejak kecil, melalui sistem pendidikan, kempen dan penguatkuasaan undang-undang serta akta, teladan dan contoh yang baik daripada pemimpin dan pelbagai usaha yang berterusan.

#### Pelan Integriti Nasional (PIN)

Integriti merupakan salah satu agenda nasional di mana Pelan Integriti Nasional (PIN) pada 5 November 2003 telah diisytiharkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi. Pelancaran PIN pada 23 April 2004 oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi juga telah sekaligus melahirkan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) sebagai sebuah badan penyelaras dan pemantau kepada pelaksanaan Pelan Integriti Nasional dimana objektif utama INTEGRITI ialah membangunkan sebuah bangsa Malaysia yang berintegriti, berdaya tahan dan mempunyai nilai-nilai murni sejagat. Manakala Transparency International Malaysia (TI-M) merupakan organisasi yang memperjuangkan ketelusan, tidak berlaku rasuah dan penyelewengan dalam pentadbiran sesebuah negara. Badan induknya ialah Transparency International. Ia merupakan pertubuhan dunia yang mengepalai gerakan membasmi rasuah, mengeluarkan indeks rasuah yang menyenaraikan kedudukan negara-negara berdasarkan markah. Tambahan kepada usaha murni ini juga, sebuah garis panduan umum tadbir urus berteraskan Syariah (GTU-s) telah dilancarkan oleh



## BINGKISAN INTEGRITI

### AMANAH DAN INTEGRITI ASAS PENCEGAHAN

YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak sempena Majlis Perasmian Kompleks Islam Putrajaya (KIP) pada 18 Julai 2017 di KIP, Presint 3, Putrajaya. GTU-s adalah sebuah sebuah garis panduan yang digubal oleh Pasukan Khas (Task Force) Tadbir Urus Agensi Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri pada akhir tahun 2015. Tujuan Task Force ini ditubuhkan untuk mencadangkan sebuah model tadbir urus yang cekap dan mempunyai nilai-nilai yang boleh dikongsi bersama. Pasukan Task Force ini dianggotai oleh beberapa tokoh yang telah dipilih dalam kalangan yang berkepakaran dan dipengerusikan oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jakim telah diberi tanggungjawab sebagai Sekretariat. Garis panduan ini akan diperkenalkan kepada agensi-agensi agama di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan boleh digunapakai oleh agensi-agensi lain yang berkaitan. YAB Perdana Menteri sewaktu melancarkan garis panduan tersebut telah menyifatkan ianya sebagai julung-julung kali diperkenalkan di negara ini bahkan diyakini pertama seumpamanya di dunia.

#### **Kesan-kesan buruk hilangnya amanah dan integriti**

Antara kesan-kesan buruk hilangnya amanah dan integriti dalam sektor pekerjaan adalah seperti terlibat dalam penyelewengan dan penipuan kerja yang diamanahkan. Jika sifat tidak amanah ini berterusan, ia mampu memudaratkan diri dan keluarga individu itu sendiri. Justeru, rezeki yang diperoleh daripada hasil kerja yang tidak amanah atau pecah amanah ini tidak mendapat keberkatan serta mengundang kemurkaan Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: "Setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang haram, maka nerakalah tempat yang selayaknya". (Riwayat At-Tarmizi). Kita juga telah mendengar daripada

beberapa kisah sejarah tamadun kemanusiaan seperti tamadun 'Aad, Tsamud, Greek, Yunani, Parsi dan sebagainya. Kesemuanya telah dimusnahkan oleh Allah SWT disebabkan kerakusan pemimpin dan pengikut yang tidak berintegriti.

Orang-orang yang beriman adalah orang yang sentiasa menjaga imannya. Justeru, mereka perlu menjaga amanah dan berpegang dengan janji-janjinya yang secara tidak langsung menghasilkan integriti. Firman Allah SWT: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat". (an-Nisa-58). Rasulullah SAW bersabda: "Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak beramanah dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak menepati janji." (Riwayat Ahmad). Kesimpulannya, sebagai individu Muslim, alangkah indahnyanya jika mengaplikasikan kedua-duanya sebagai budaya hidup dan akhlak kita. Secara tidak langsung, kedua-dua nilai ini akan menyerap ke dalam keperibadian kita secara 'natural' tanpa perlu paksaan. Kesudahannya, akan lahir generasi yang dapat memperindahkan model Islam dan individu Muslim yang membudayakan amanah dan integriti serta dapat membuang persepsi buruk yang sering dikaitkan dengan orang-orang Islam.

**Prof Madya Dr Muhammad Sabri bin Sahrir**  
**Pensyarah Kulliyah Pendidikan/Timbalan Pengarah**  
**(E-Pembelajaran),**  
**Pusat Pengajaran dan Pembelajaran,**  
**Pejabat Timbalan Rektor Akademik dan Perancangan**  
**Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**



Selamat  
& **Hari Natal**  
Tahun Baru **2018**



Redaksi Buletin Integriti BPIA

## LAPORKAN RASUAH



: 1-800-88-6000



: <https://portaladuan.sprm.gov.my>



: Muatnaik aplikasi MACC mobile di [App Store](#) | [Google Play](#) | [Windows Phone Store](#)

### Terbitan:

Bahagian Pengurusan Integriti Dan Agensi (BPIA)  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Aras 8, Blok B  
No. 2, Lebuhr Wawasan  
62250, Putrajaya

Tel : 03-8870 0044

Emel: [urussetiaui@sprm.gov.my](mailto:urussetiaui@sprm.gov.my)